

PEKELILING BENDAHARI BIL. 6 TAHUN 2009

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN GAJI 2010

TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk memaklumkan tarikh-tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2010.

LATARBELAKANG

Tarikh-tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2010 ditetapkan berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 6 Tahun 2004 bertajuk “Pindaan Arahan Perbendaharaan 105 Mengenai Tarikh Membayar Gaji” dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil 6 Tahun 2009 bertajuk “Tarikh Dan Peraturan Pembayaran Gaji Tahun 2010”.

PERATURAN PEMBAYARAN GAJI

- 3.1 Gaji bulanan bagi tahun 2010 dijadualkan seperti Lampiran A dan B.
- 3.2 Bagi tahun 2010, gaji untuk bulan Februari, Mei, November dan Disember dibayar lebih awal. Pembayaran gaji awal ini hendaklah dianggap sebagai pembayaran gaji untuk bekerja sebulan penuh.

3.3 Untuk memastikan Jabatan Bendahari dapat membuat pembayaran gaji mengikut tarikh yang telah ditetapkan, staf dan Jabatan terlibat hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:-

a) Jabatan Pendaftar hendaklah mengemukakan Borang Perubahan Gaji (Kew 320) beserta dokumen sokongan yang lengkap mengikut jadual yang ditetapkan seperti Lampiran A dan Lampiran B.

b) Permohonan dan kelulusan bayaran lebih masa oleh staf dan Ketua Jabatan hendaklah mematuhi jadual yang ditetapkan seperti Lampiran C. Bayaran lebih masa hendaklah dipohon secara *online* sepertimana tatacara permohonan bayaran kerja lebih masa yang telah dikeluarkan.

c) Semua arahan potongan gaji hendaklah dikemukakan pada atau sebelum 10 hari bulan setiap bulan. Arahan potongan gaji hendaklah lengkap seperti nama, nombor kad pengenalan dan nombor rujukan akaun potongan bagi memastikan potongan gaji dapat dikreditkan ke akaun yang betul. Staf hendaklah merujuk sendiri ke Unit Gaji, Jabatan Bendahari jika melibatkan pemberhentian mana-mana arahan potongan gaji.

TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini adalah berkuat kuasa dari 1 Januari 2010.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan tugas


ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

1 Disember 2009

s.k **Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim**
Naib Canselor

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Sabarudin Bin Mohd.
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y. Bhg. Prof. Dr. Rosli Bin Mohd Yunus
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg. Tn. Hj. Mustafa Bin Ibrahim
Pendaftar

LAMPIRAN A**JADUAL PEMBAYARAN GAJI BULANAN TAHUN 2010**

Bulan	Tarikh Gaji	Hari	Catatan	Tarikh Akhir Penghantaran Penyata Perubahan Gaji
Januari	25.01.2010	Isnin		11.01.2010 – Isnin
Februari	08.02.2010	Isnin	Tahun Baru Cina – 14 & 15.02.2010	01.02.2010 – Isnin
Mac	25.03.2010	Khamis		11.03.2010 – Khamis
April	22.04.2010	Khamis		09.04.2010 – Jumaat
Mei	24.05.2010	Isnin	Pesta Menuai – 30 & 31.05.2010	10.05.2010 – Isnin
Jun	24.06.2010	Khamis	Hari Gawai – 1 & 2.06.2010	10.06.2010 – Khamis
Julai	22.07.2010	Khamis		09.07.2010 – Jumaat
Ogos	25.08.2010	Rabu		11.08.2010 – Rabu
September	23.09.2010	Khamis	Hari Raya Puasa – 10 & 11.09.2010	07.09.2010 – Selasa
Oktober	25.10.2010	Isnin		11.10.2010 – Isnin
November	10.11.2010	Rabu	Hari Raya Haji – 17 & 18.11.2010	01.11.2010 – Isnin
Disember	20.12.2010	Isnin	Hari Krmas – 25.12.2010	06.12.2010 – Isnin

**JADUAL PEMBAYARAN GAJI BULANAN TAHUN 2010
BAGI STAF BERGAJI HARIAN**

Bulan	Tarikh Gaji	Hari	Catatan	Tarikh Akhir Penghantaran Penyata Perubahan Gaji
Januari	05.02.2010	Jumaat		01.02.2010 - Isnin
Februari	05.03.2010	Jumaat		01.03.2010 - Isnin
Mac	06.04.2010	Selasa		01.04.2010 - Khamis
April	06.05.2010	Khamis		03.05.2010 - Isnin
Mei	07.06.2010	Isnin	06.06.2010 - Ahad	01.06.2010 - Selasa
Jun	06.07.2010	Selasa		01.07.2010 - Khamis
Julai	06.08.2010	Jumaat		02.08.2010 - Isnin
Ogos	06.09.2010	Isnin		01.09.2010 - Rabu
September	06.10.2010	Rabu		01.10.2010 - Jumaat
Oktober	05.11.2010	Jumaat		01.11.2010 - Isnin
November	06.12.2010	Isnin		01.12.2010 - Rabu
Disember	06.01.2011	Khamis		03.01.2011 - Isnin

JADUAL PERMOHONAN BAYARAN LEBIH MASA

Bulan	Tarikh Akhir Kelulusan Bayaran Lebih Masa
Januari	05.01.2010 - Selasa
Februari	Sistem OT dibuka - 22.02.2010 Tutup - 05.03.2010 (dibayar gaji Mac 2010)
Mac	05.03.2010 - Jumaat
April	05.04.2010 - Isnin
Mei	05.05.2010 - Rabu
Jun	04.06.2010 - Jumaat
Julai	05.07.2010 - Isnin
Ogos	05.08.2010 - Khamis
September	06.09.2010 - Isnin
Oktober	05.10.2010 - Selasa
November	Sistem OT dibuka - 22.11.2010 Tutup - 03.12.2010 (dibayar gaji Dis 2010)
Disember	03.12.2010 - Jumaat